



## SIARAN AKHBAR

---

### **MAJLIS DOA SELAMAT DAN PERASMIAN MAKMAL VETERINAR DI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN (KKP) TERUNJING**

*Hari Khamis, 14 Sya'aban 1443 bersamaan 17 Mac 2022*

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, telah mengadakan Majlis Doa Selamat sempena Acara Perasmian Makmal Veterinar yang terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Terunjing. Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Majlis turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Pengarah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, dan pegawai-pegawai kanan daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Acara dimulakan dengan bacaan doa selamat yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud, Imam Tingkat 1 dan diteruskan dengan acara perasmian, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga berpeluang untuk menyaksikan tayangan video yang memaparkan sejarah makmal veterinar, tujuan menaiktaraf dan penerangan mengenai fasiliti makmal baru.

Bangunan Makmal Veterinar diselenggarakan dibawah Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar (UPMV, Bahagian Industri Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan). UPMV berperanan melaksanakan program dokongan kawalan penyakit haiwan dan keselamatan makanan hasil ternakan termasuklah mengesan dan mengenalpasti penyakit haiwan/ternakan sebagai usaha pengawalan & pembasmian penyakit haiwan/ ternakan; melaksanakan penganalisaan keatas makanan hasil ternakan bagi mengesan pencemaran patogen bawaan makanan, residu ubat-ubatan serta ujian kualiti fizikal bagi memantau kualiti hasil ternakan dan seterusnya mendokong program pemantauan makanan ternakan kearah penghasilan ternakan yang berkualiti dan bermutu.

Sejarah penubuhan makmal ini bermula pada tahun 1978 di bawah seliaan Klinik Haiwan, Jalan Kumbang Pasang, dan kemudiannya berpindah ke bangunan di Jalan Berakas berdekatan dengan Bolkiah Camp dan dikenali sebagai Makmal Kaji Penyakit Haiwan.



Pada tahun 1988, dengan penambahan skop pemeriksaan dan keadaan makmal yang semakin sempit, makmal telah berpindah ke Pusat Penyelidikan Pertanian, Kilanas dan diubah namanya menjadi Makmal Diagnostik. Makmal Diagnostik mengembangluaskan skop pemeriksaan yang sedia ada seperti patologi klinikal yang menjadikan makmal sebagai pusat rujukan status kesihatan ternakan. Pada tahun 1997 nama Makmal Diagnostik telah ditukar kepada Unit Pkhidmatan Makmal Veterinar (UPMV) sehingga kini.

UPMV merupakan satu-satunya makmal veterinar kebangsaan yang berperanan untuk mendokong dalam peningkatan keluaran industri ternakan dan kearah pengiktirafan jabatan sebagai *Competent Veterinary Authority (CVA)*. Beberapa langkah telahpun dilaksanakan oleh jabatan bagi merealisasikan peranan tersebut antaranya mendapatkan pengiktirafan ISO/IEC 17025, menambah perkhidmatan skop ujian makmal yang berkepentingan dan memenuhi keperluan negara-negara import.

Oleh yang demikian, pihak jabatan melalui peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) ke-11 dengan tajuk Program Pusat Penyelidikan, Penganalisan dan Rujukan Penyakit Haiwan dibawah Projek Pembangunan Industri Ternakan telahpun melaksanakan projek bagi menaiktaraf makmal veterinar. Objektif menaiktaraf makmal veterinar ini adalah bagi memenuhi garispanduan antarabangsa yang berkaitan dengan penganalisan makmal termasuklah *International Standard of ISO/IEC 17025* dan Standard Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE). Selain itu, ianya juga bagi membolehkan makmal tersebut untuk mengendalikan penyakit haiwan zoonotik dengan selamat dengan pembinaan Makmal *Biosafety Level 3 (BSL3)*.

Faedah dan impak positif dari pembinaan bangunan makmal baru, UPMV akan dapat melaksanakan perancangan jabatan dalam memperbanyakkan lagi jenis-jenis ujian makmal yang berkepentingan sekaligus memenuhi keperluan negara-negara import. Selain dari itu, bangunan ini juga dapat mempersiapkan sediakan negara dalam menangani masalah kemungkinan penularan penyakit haiwan berjangkit.

Pengusaha-pengusaha ternakan yang ingin mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan dan penganalisan makmal bolehlah mendapatkan maklumat lanjut daripada laman sesawang Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ataupun berhubung terus melalui talian Makmal Veterinar di talian 8965122.

/TAMAT.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Unit Hal Ehwal Antarabangsa dan Perhubungan Awam, Bahagian Dasar,**  
**Pengurusan dan Kewangan**  
**Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,**



**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
Negara Brunei Darussalam**

*Tarikh: 17hb Mac 2022*